

SOALAN LAZIM
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023

A. PENJAWAT AWAM

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Kelayakan		
1.	Siapakah penjawat awam yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023?	<p>BKK Tahun 2023 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 56¹ dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat pada 17 Januari 2023.</p> <p>Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang merupakan pegawai lantikan tetap, sementara dan <i>Contract of Service</i>², pegawai yang bercuti bergaji penuh, pegawai yang bercuti separuh gaji, pegawai yang bercuti tanpa gaji dan pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.</p> <p>Pemberian BKK Tahun 2023 turut dipanjangkan kepada guru interim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya serta pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.</p> <p>BKK Tahun 2023 turut dipanjangkan kepada pegawai lantikan MySTEP dengan syarat telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2022 dan masih berkhidmat sebagai MySTEP pada 17 Januari 2023.</p> <p>Nota: Rujuk Bahagian B, soalan 26 untuk pesara/penerima pencen yang layak dibayar BKK Tahun 2023.</p>
Pegawai Lantikan Baharu		
2.	Adakah pegawai yang dilantik pada 9 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai yang telah dilantik tetap dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pegawai Ber cuti Separuh Gaji/Tanpa Gaji		
3.	Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai layak .
Pegawai Peminjaman		
4.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke Gred Utama/Khas layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai tidak layak menerima BKK Tahun 2023 kerana pegawai telah menikmati elaun dan kemudahan atas Gred Jawatan Utama/Khas sama seperti pegawai memangku.
Pegawai Contract of Service		
5.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> (COS) layak diberi BKK Tahun 2023 sekiranya tarikh kontrak beliau bermula dari 3 Januari 2023?	Pegawai COS yang masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023.
6.	Adakah seorang pegawai COS layak diberi BKK Tahun 2023 sekiranya beliau berkhidmat mulai 14 Oktober 2022 hingga 13 Januari 2023 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Pegawai tidak layak kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023 iaitu pada tarikh pembayaran.
7.	Adakah seorang pegawai COS yang dilantik pada 1 April 2022 hingga 31 Mac 2023 layak diberi BKK Tahun 2023?	Pegawai layak menerima BKK 2023 dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023.
Pegawai Lantikan MySTEP		
8.	Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022 hingga 30 November 2022 dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 4 Januari 2023 sehingga 30 Jun 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP berkenaan layak. Prinsip utama adalah tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Jawatan Utama/Khas.

² Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
9.	Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022 hingga 30 November 2022 dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 15 Disember 2022 sehingga 30 Jun 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP berkenaan layak . Prinsip utama adalah tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.
10.	Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022 hingga 31 Julai 2022 dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 17 Januari 2023 sehingga 30 Jun 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP berkenaan layak . Prinsip utama adalah tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.
11.	Seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 4 Januari 2022 hingga 28 Februari 2022 di Kementerian A dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 1 April 2022 sehingga 31 Mei 2022 di Kementerian B. Personel MySTEP kemudiannya dilantik semula berkuat kuasa 1 November 2022 sehingga 31 Disember 2022 di Kementerian C. Beliau kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 17 Januari 2023 sehingga 30 Jun 2023. Adakah beliau layak menerima BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP berkenaan layak . Prinsip utama adalah tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.
12.	Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022 hingga 30 November 2022 dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 1 Februari 2023 sehingga 30 Jun 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP berkenaan tidak layak . Walaupun Personel MySTEP memenuhi tempoh berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2022 namun begitu pelantikan semula beliau dibuat selepas 17 Januari 2023.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
13.	Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022 dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 4 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP berkenaan tidak layak . Prinsip utama adalah tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan walaupun telah berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.
14.	Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 4 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 tetapi tidak dilantik pada tahun 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP berkenaan tidak layak kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023.
15.	Adakah Personel MySTEP yang dilantik semula di Kementerian/Jabatan berbeza, dan tempoh kontraknya tidak terputus, layak diberi BKK Tahun 2023?	Personel MySTEP layak dengan syarat tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.
Pekerja Sambilan Harian (PSH)		
16.	Adakah PSH yang dilantik di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri layak menerima BKK Tahun 2023?	Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing seperti yang ditetapkan oleh perenggan 4 Surat Edaran no. rujukan JPA.800-3/2/4(17) bertarikh 27 Disember 2022.
Pelantikan Dalam Perkhidmatan		
17.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi BKK Tahun 2023?	Pegawai layak diberi BKK Tahun 2023 walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza dan akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai itu berkhidmat.
BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Hukuman Tatatertib		
18.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 10 Januari 2023 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/Jabatan layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai layak menerima BKK Tahun 2023 kerana hukuman amaran tidak termasuk hukuman yang tidak melayakkan.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
19.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2022 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2023 layak dibayar BKK Tahun 2023?	Pegawai tersebut layak dibayar BKK Tahun 2023 kerana hukuman dijatuhkan bukan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari.
20.	Adakah pegawai yang mempunyai masalah tidak hadir bertugas dan tindakan tatatertib masih belum diambil layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai berkenaan layak menerima BKK Tahun 2023 memandangkan prosiding tatatertib belum lagi bermula.
21.	Adakah pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib turun pangkat pada 15 Disember 2022, dan hukuman berkuat kuasa pada 1 Januari 2023, layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai tersebut layak menerima BKK Tahun 2023 kerana hukuman dijatuhkan bukan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023.
22.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib amaran pada 9 Januari 2023 layak dibayar BKK Tahun 2023?	Pegawai tersebut layak dibayar BKK Tahun 2023 kerana hukuman yang dijatuhkan bukan buang kerja atau turun pangkat.
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan		
23.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai layak menerima BKK Tahun 2023 sebanyak RM700 dan akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
Pengkorporatan/Penswastaan dan Pengasingan		
24.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai layak dan akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam).
Meletak Jawatan/Berhenti/Ditamatkan Perkhidmatan		
25.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/berhenti/ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Pegawai tidak layak menerima BKK Tahun 2023 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.

B. PESARA KERAJAAN

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pesara		
26.	Siapakah pesara yang layak dibayar BKK Tahun 2023?	<p>Pesara Kerajaan yang menerima pencen di bawah undang-undang pencen/Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 yang bersara pada atau sebelum 17 Januari 2023 bagi semua gred di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri; ii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan; iii) Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; dan iv) Pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara mengikut opsyen umur persaraan sahaja (55 tahun, 56 tahun, 58 tahun atau 60 tahun).
27.	Siapakah penerima pencen yang layak dibayar BKK Tahun 2023?	Penerima pencen yang layak adalah penerima pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya, pencen terbitan dan pencen tanggungan, pencen orang tanggungan, elaun tanggungan, elaun bersara dan elaun bersara terbitan sehingga 17 Januari 2023.
28.	Adakah penerima pencen terbitan layak dibayar BKK Tahun 2023?	Penerima pencen terbitan layak dibayar BKK Tahun 2023.
29.	Adakah penerima pencen terbitan yang lebih daripada seorang turut layak dibayar BKK Tahun 2023?	Layak dan akan dibayar berdasarkan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.
30.	Adakah pegawai yang bersara selepas 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?	Layak dibayar dengan kadar Penjawat Awam sebanyak RM700.00.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
31.	Adakah pesara/penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima BKK Tahun 2023?	Pesara/penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima BKK Tahun 2023.
32.	Siapakah pesara/penerima pencen terbitan yang tidak layak menerima BKK Tahun 2023?	<p>Pesara/penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran;ii) Perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik;iii) Perkhidmatan sebagai Hakim;iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak);v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3 - Pengurusan Wang Awam;vi) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 17 Januari 2023; danvii) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
33.	Adakah pesara yang bersara atas dasar penswastaan atau pengkorporatan layak dibayar BKK Tahun 2023?	Layak sekiranya mereka adalah penerima pencen.
34.	Adakah pesara (merujuk kepada soalan no. 26) yang meninggal dunia sebelum 17 Januari 2023 layak diberi BKK Tahun 2023?	Layak dan dibayar kepada penerima pencen terbitan.
35.	Adakah pesara (merujuk kepada soalan no. 26) atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi BKK Tahun 2023?	Pesara atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi BKK Tahun 2023 sebanyak RM350.00.
36.	Adakah pesara/veteran berpencen dan tidak berpencen yang dilantik semula secara COS dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?	Pesara yang dilantik semula secara COS dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak dibayar BKK Tahun 2023 sebanyak RM700.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
37.	Sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV, jabatan manakah yang akan membuat bayaran BKK Tahun 2023 kepada pesara tersebut?	BKK Tahun 2023 akan dibayar oleh JPA sebanyak RM350.00.